



Geral pameran kerja turut dilawati oleh Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela.

Karnival Kerjaya beri peluang kepada graduan

syntasan Sabtu 28/7/07 78 : P20

GAMBANG - Antara faktor penyumbang kepada kadar pengangguran di kalangan graduan ialah kelemahan dalam menguasai bahasa Inggeris dan kurang kemahiran sampingan.

"Golongan mahasiswa perlu diberi bimbingan sebagai persiapan untuk menghadapi dunia luar, terutamanya dunia pekerjaan," demikian kata penasihat program, Paridah Mohd Ali.

Beliau ditemui ketika penganturan Karnival Kerjaya oleh Unit Kaunseling, Kerjaya dan Alumni dan Keusahawanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni, Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Perkarangan UMP, baru-baru ini.

Karnival ini dianjurkan sebagai inisiatif untuk memberi maklumat kepada graduan UMP berkaitan dengan kerjaya, meningkatkan keyakinan di kalangan pelajar tahun akhir untuk berhadapan dengan dunia pekerjaan, memberi pengalaman menghadapi temu duga sebenar dan memahami situasi proses pengambilan tenaga kerja dalam organisasi.

"Ramai daripada graduan tidak memiliki pengetahuan ini kerana kurangnya pendedah-

an kepada mereka sebaik menamatkan pengajian, akhirnya terpaksa melakukan sebarang pendedahan yang jauh lebih n yang daripada kelayakan dimiliki," katanya.

Paridah memberitahu, karnival ini turut memberi maklumat keusahawanan sebagai memberi laluan kepada mereka yang berminat memilih bidang ini sebagai kerjaya.

"Antara pengisian program yang dijalankan adalah bengkel persediaan kerjaya, simulasi temu duga kerjaya, seminar motivasi keusahawanan, ceramah peluang kerjaya, sesi temu duga dan ceramah keusahawanan," katanya.